



"PERSEDITION MEMASUKI ALAM PERSEKOLAHAN"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ
تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَlisِ فَافْسُحُوا يَفْسَحَ اللَّهُ لَكُمْ
وَإِذَا قِيلَ أَنْشُرُوا فَانْشُرُوا يَرْفَعَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ
وَالَّذِينَ أَوْتُوا الْعِلْمَ دَرَجَتٌ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ .

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْ صِيَكُمْ
وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ



تَعَالَى : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقًّا تُقَاتَهُ وَلَا
تُمْوِنُ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ .

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintahnya dan meninggalkan segala larangannya. Marilah kita memperbanyak zikir kepada Allah SWT dan memperbanyak selawat serta berusaha melaksanakan segala sunnah Rasulullah s.a.w. Mudah-mudahan ianya akan memberikan manfaat kepada kita di dunia dan di akhirat.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Bersempena sesi persekolahan yang baru, mimbar khutbah ingin mengingatkan anak-anak kita agar membuat persediaan yang secukupnya bagi mengharungi cabaran yang bakal ditempuhi. Persediaan yang paling penting dan paling utama hendaklah memastikan niat yang betul iaitu menuntut ilmu semata-mata mencari keredaan Allah SWT. Para pelajar juga hendaklah bertekad untuk menimba ilmu pengetahuan sebanyak yang mungkin sehingga ke peringkat yang tertinggi. Para pelajar hendaklah berazam untuk berusaha dengan gigih agar dapat mencapai kejayaan yang cemerlang dan menjadi insan yang dapat memberikan manfaat kepada masyarakat pada masa akan datang.

Persediaan yang tidak kurang pentingnya juga ialah memastikan fizikal dan mental anak-anak kita sentiasa berada dalam keadaan yang baik. Sesungguhnya tubuh badan yang sihat dan kuat itu adalah lebih



baik berbanding tubuh badan yang lemah. Sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A ;

الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ
الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ.

"Mukmin yang kuat adalah lebih baik dan lebih dicintai oleh Allah daripada mukmin yang lemah". (Riwayat Muslim)

Selain daripada itu, anak-anak hendaklah mendapatkan restu daripada kedua ibubapa sebelum mereka melangkahkan kaki ke sekolah. Sabda Rasulullah s.a.w dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Amru bin Al-Ash RA ;

رَضِيَ اللَّهُ فِي رِضَى الْوَالِدَيْنِ وَسُخْطَةُ اللَّهِ فِي
سُخْطَةِ الْوَالِدَيْنِ.

"Keredhaan Allah terletak pada keredhaan ibubapa dan kemurkaan Allah terletak pada kemarahan ibubapa". (Riwayat At-Tirmizi)

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Sesungguhnya tempoh mencari ilmu pengetahuan bukanlah singkat, kerana ia memakan masa yang amat panjang serta memerlukan pengorbanan jiwa, harta dan tenaga yang bukan sedikit jumlahnya. Justeru, sifat sabar dalam diri amat dituntut disamping usaha yang



bersungguh-sungguh untuk mempelajari apa sahaja ilmu yang diberikan oleh guru-guru. Ini adalah kerana ilmu pengetahuan mempunyai bidang yang teramat luas dan tidak mampu untuk dijangkau keseluruhannya walaupun sehingga keakhir hayat.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Kahfi ayat 109:

قُلْ لَوْ كَانَ الْبَحْرُ مِدَادًا لِكَلِمَتٍ رَبِّي لَنَفِدَ الْبَحْرُ
قَبْلَ أَنْ تَنْفَدَ كَلِمَتُ رَبِّي وَلَوْ جِئْنَا بِمِثْلِهِ مَدَدًا



"Katakanlah (Wahai Muhammad): "Kalaulah semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis Kalimah-kalimah Tuhanmu, sudah tentu akan kering lautan itu sebelum habis Kalimah-kalimah Tuhanmu, Walaupun Kami tambahi lagi dengan lautan yang sebanding dengannya".

Maka, peluang ini hendaklah dimanfaatkan oleh para pelajar untuk menuntut sebanyak mungkin ilmu pengetahuan sebagai bekalan untuk meneruskan kehidupan di dunia lebih-lebih lagi bekalan di akhirat. Adapun tempat yang paling sesuai untuk mendapatkan ilmu yang secukupnya ialah di sekolah-sekolah dan di pusat-pusat pengajian yang telah disediakan, bukannya di pusat-pusat hiburan, di kaki lima pasaraya ataupun di tempat-tempat yang tidak berkenaan kerana ianya akan mencorakkan tingkahlaku yang buruk.



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Hakikatnya, sekolah bukan sekadar tempat untuk mendapatkan ilmu akademik semata-mata, malah apa yang lebih utama ialah untuk membina sahsiah dan jati diri bagi seorang mukmin yang bertaqwa. Dengan ini, mereka tidak mudah terjebak kedalam perkara-perkara mungkar dan gejala-gejala sosial yang telah banyak merosakkan generasi muda pada hari ini.

Amat malang terdapat segelintir pelajar yang berani berbohong kepada ibubapa dan guru-guru, keluar daripada rumah dengan berpakaian sekolah, tetapi kemudiannya melencong ke tempat lain seperti ke pasaraya, cybercafe dan sebagainya semata-mata kerana ingin berseronok dengan rakan-rakan. Perbuatan seperti ini tentulah merugikan semua pihak kerana masa dan tenaga yang sepatutnya digunakan untuk menuntut ilmu disia-siakan begitu sahaja.

Para ibubapa adalah diamanah dan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah di akhirat kelak supaya menjaga dan memastikan anak-anak mendapat ilmu dan pendidikan yang sempurna termasuk ilmu fardhu ain. Peranan yang dimainkan oleh ibubapa ialah dengan memberikan semangat dan galakan kepada anak-anak. Kata-kata perangsang sahaja tidak mencukupi untuk menaikkan semangat belajar di kalangan anak-anak. Terdapat banyak cara yang boleh digunakan oleh ibubapa untuk memberi perangsang kepada anak-anak sebelum mereka memulakan sesi pengajian. Antaranya ialah dengan memastikan dan menyediakan keperluan asas pembelajaran mereka. Keperluan pembelajaran yang mencukupi adalah amat penting bagi memastikan anak-anak dapat belajar dengan lebih selesa dan dapat meningkatkan lagi motivasi mereka untuk meneruskan pembelajaran.



Selain itu, ibubapa juga berperanan membantu anak-anak mengatasi sebarang bentuk tekanan yang boleh mengganggu dan melemahkan prestasi pembelajaran mereka. Ibubapa boleh mengenal pasti dan membimbing anak-anak bagaimana cara belajar dengan berkesan di samping menunjukkan minat yang mendalam untuk terus menuntut ilmu pengetahuan sepanjang hayat. Ini akan mendorong anak-anak untuk terus tabah menghadapi pelajaran. Sesungguhnya alam persekolahan bukanlah semudah yang disangka. Ia juga sama seperti alam pekerjaan yang mengandungi banyak cabaran dan rintangan. Oleh itu, bantuan ibubapa kepada anak-anak yang sedang belajar amatlah penting agar mereka dapat menangani masalah yang dihadapi dengan lebih baik.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Allah SWT telah memberikan berbagai-bagai kelebihan dan keutamaan kepada orang yang menuntut ilmu pengetahuan, antaranya ialah;

Pertama : Mendapat ganjaran syurga Allah SWT.

Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud:

"Barangsiapa melalui satu jalan untuk menuntut ilmu maka Allah akan mempermudahkan jalan baginya untuk ke syurga". (Riwayat Muslim)

Kedua : Diberikan kemuliaan oleh Allah SWT dan juga rasulnya di sepanjang kehidupannya. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:



"Kelebihan seorang yang menuntut ilmu berbanding seorang abid (yang kuat beribadat) adalah seperti bulan purnama yang amat bercahaya berbanding bintang-bintang di sekelilingnya". (Riwayat Abu Daud & Tirmizi)

Jelasnya, orang yang menuntut ilmu bukan sahaja mendapat kelebihan daripada ilmu yang dimilikinya, bahkan ia juga dapat dimanfaatkan oleh orang-orang lain yang berada di sekelilingnya.

Ketiga : Para malaikat dan makhluk yang ada di muka bumi ini akan turut sama memohon kepada Allah SWT agar diampunkan dosa-dosa orang yang sedang menuntut ilmu pengetahuan.

Keempat : Orang yang berilmu, berjaya menghilangkan kejahilan dalam dirinya sekaligus dapat menghindarkan perkara keji dan mungkar.

Sesungguhnya jiwa yang bersih dan suci daripada dosa amatlah penting bagi seseorang pelajar. Ini kerana ilmu yang dicurahkan adalah 'nur'(cahaya) daripada Allah SWT dan cahaya Allah ini tidak akan masuk ke dalam jiwa orang-orang yang berbuat maksiat.

Selain daripada itu, orang-orang yang berusaha untuk menuntut ilmu pengetahuan juga diletakkan sama kedudukannya dengan orang yang sedang berjihad. Ini adalah kerana menuntut ilmu merupakan salah satu daripada bahagian-bahagian jihad yang dituntut di dalam Islam.



Bagi orang yang memiliki ilmu pengetahuan, Allah SWT juga telah memberikan beberapa kelebihan berbanding orang-orang yang tidak berilmu pengetahuan, antaranya ialah;

Pertama : Allah SWT meletakkan orang-orang yang berilmu pada darjah yang lebih tinggi dan mulia berbanding orang-orang yang tidak berilmu.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Mujadilah ayat 11;

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ إِمَانُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أَوْتُوا
الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ
ج

"Allah meninggikan darjah orang yang beriman di kalangan kamu dan orang yang diberi ilmu pengetahuan (di kalangan kamu) beberapa darjah".

Kedua : Orang-orang yang berilmu juga dipandang mulia oleh segenap lapisan masyarakat dan mereka akan sentiasa dijadikan sebagai tempat rujukan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi. Firman Allah SWT dalam surah Al-Anbia' ayat 7;

ص
فَسَأَلُوا أَهْلَ الْذِكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا
تَعْلَمُونَ





*"Maka bertanyalah kamu kepada "Ahlu az-Zikri"
(orang yang berilmu) jika kamu tidak mengetahui".*

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Apapun perkara penting yang harus difahami ialah tujuan dan matlamat utama menuntut ilmu adalah untuk meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT serta mendapatkan keredhaan-Nya. Sesungguhnya, seorang itu takut melanggar perintah Allah SWT kerana ia benar-benar mengenali Allah. Justeru sifat takut kepada Allah SWT tidak akan wujud di dalam diri seorang hamba melainkan apabila mereka mempelajari ilmu-ilmu yang boleh memantapkan iman, taqwa dan kahlak yang baik.

Dengan memiliki ilmu pengetahuan, seseorang hamba itu akan dapat meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT. Sebaliknya tanpa ilmu, mereka hanyalah ibarat seorang buta yang akhirnya akan tersesat kerana tiada petunjuk dan tidak mengetahui arah mana yang hendak ditujunya.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Kita harus menyedari bahawa pengorbanan yang dicurahkan oleh ibubapa samada wang ringgit mahupun tenaga mereka adalah teramat tinggi nilainya untuk diganti dengan hartabenda. Pengorbanan yang mereka lakukan bukanlah untuk mendapatkan habuan dunia daripada anak-anak, sebaliknya apa yang mereka inginkan hanyalah untuk melihat kejayaan anak-anak mereka di dalam menempuh arus kehidupan dunia ini.



Justeru, apa yang diharapkan, hargailah jasa dan pengorbanan ibubapa dengan berusaha bersungguh-sungguh bagi memenuhi harapan dan impian mereka. Sesungguhnya tiada hadiah yang paling berharga bagi kedua ibubapa selain melihat anak-anak mereka menjadi orang yang soleh, berjaya dalam pelajaran dan bertaqwa kepada Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهَدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ

"Orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah, bersama orang yang berusaha membaiki amalannya".

(Al-Ankabut : 69)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالدِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.



أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

MATZAN/Li
23.12.2011



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ۔
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ۔

أَمَا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ。قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا。



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاء مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ
إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بَنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ
عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّ لَهُ
مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ سَلَّاعُورِ، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سلطان صلاح الدين
عبد العزيز شاه الحاج.

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَىيَّةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَّاعُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ



ابنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِيْ
أَمْنٍ وَصَالَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ
وَالْاِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عَمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ
وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى
وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Engkau bukakanlah hati umat Islam, khususnya di Negeri Selangor untuk melaksanakan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau fardhukan di dalam Al-Quran. Berkatilah hidup orang-orang yang



melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin, sucikanlah harta dan jiwa mereka agar mereka hidup dalam keredhaan-Mu. Kau lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ
وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَى
نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.